

CNS9212

R PB 06-02 00139 BC975

BAH

Mahathir - Pembangunan

PBS SENTIASA PUTAR BELIT NIAT BAIK KERAJAAN PUSAT, KATA MAHATHIR

KOTA KINABALU, 6 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, niat baik Kerajaan Pusat untuk membangunkan Sabah sering terbantut kerana diputarbelitkan Kerajaan Negeri pimpinan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Perdana Menteri berkata, PBS sering memperalatkan Kerajaan Pusat untuk mengabui mata rakyat bahawa ia tidak membawa pembangunan walaupun sebenarnya ia ingin membawa kemajuan kepada negeri itu.

Ketika bercakap pada satu perjumpaan bersama rakyat di sini hari ini, beliau berkata, apabila Kerajaan Pusat ingin membangunkan Sabah, kerajaan PBS akan cuba menghalangnya dengan harapan Barisan Nasional (BN) tidak dapat memerintah negeri itu lagi.

Beliau berkata, PBS hanya akan membuat sesuatu untuk kepentingan dan masa depan parti itu serta pemimpinnya, Datuk Joseph Pairin Kitingan. --
laqi

▼06/02/21-00MS^T

CNS9216

R PB 06-02 00164 BC976

BAH

Mahathir - Pembangunan 2 (Akhir) Kota Kinabalu

Beliau berkata, rakyat Sabah kini menjadi mangsa kepada segala tindak tanduk PBS yang tidak berupaya membawa pembangunan kepada negeri itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan PBS telah mengemukakan beberapa tuntutan kepada Kerajaan Pusat seperti menubuhkan sebuah universiti dan juga menuntut bayaran royalti untuk minyak ditingkatkan.

"Kerajaan PBS tahu bahawa Sabah mendapat royalti daripada minyak sama peratusannya dengan Sarawak dan Terengganu (lima peratus) ."

"Mengapa negeri Sarawak dan Terengganu boleh maju sedangkan Sabah tidak boleh?," tanya beliau.

Katanya, tujuan kerajaan PBS menuntut royalti yang lebih ialah untuk membangkitkan perasaan marah di kalangan rakyat Sabah terhadap kerajaan Pusat.

Dr Mahathir berkata, kerajaan Sarawak dan Terengganu masih boleh membangunkan negeri mereka tanpa menuntut royalti yang lebih tinggi.

Beliau berkata, jika kerajaan Pusat memberi royalti yang tinggi kepada Sabah sekalipun, Pairin tetap akan menyalahkan kerajaan Pusat kerana tidak membawa pembangunan ke Sabah. -- Bernama

ES 7U

▼06/02/21-16MST